

KEMPEN ‘LUCKY FIVE-BULOUS’: BELANJA DAN MENANG DENGAN KAD DEBIT-i DAN KAD KREDIT-i BANK ISLAM

Kempen berlangsung dari 1 Februari hingga 30 Jun 2023

KUALA LUMPUR, Ahad, [19 Februari 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) sedang menganjurkan kempen ‘LUCKY FIVE-BULOUS’, satu kempen belanja dan menang khusus untuk pemegang Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam, yang menawarkan pelbagai ganjaran menarik bernilai lebih RM300,000.

Untuk menyertai kempen ini, pelanggan hanya perlu berbelanja menggunakan Kad Debit-i atau Kad Kredit-i Bank Islam mereka. Pelanggan layak mendapat satu (1) unit kelayakan atas setiap perbelanjaan runcit bernilai RM50 dan dua (2) unit kelayakan untuk setiap perbelanjaan bernilai RM50 di stesen Petrol.

Kempen ‘LUCKY FIVE-BULOUS’ ini secara keseluruhan menawarkan lima (5) buah kereta Perodua Ativa sebagai hadiah utama dan dua puluh lima (25) peranti Apple iPad Pro untuk Hadiyah Saguhati. Pemenang untuk Hadiyah Utama akan dipilih melalui cabutan bertuah yang melayakkan seorang (1) pemenang untuk setiap bulan manakala bagi Hadiyah Saguhati, seramai lima (5) orang pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah kelayakan tertinggi untuk bulan tersebut.

Pada majlis pelancaran kempen tersebut, Ketua Pegawai Perniagaan - Runcit Bank Islam, Mizan Masram mengulas bahawa penganjuran kempen ‘LUCKY FIVE-BULOUS’ bertujuan untuk menghargai sokongan dan kesetiaan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan Bank Islam selama ini.

“Oleh itu, kami ingin menyediakan ganjaran menarik kepada pelanggan setiap kali mereka berbelanja dengan menggunakan Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam. Lebih banyak pembayaran dibuat menggunakan Kad-i kami, lebih banyak peluang untuk menang.”

“Pembayaran tanpa tunai kini menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat kerana transaksi yang mudah, pantas dan selamat. Penganjuran kempen ‘LUCKY FIVE-BULOUS’ bertujuan menggalakkan lagi penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai, lantas mempercepatkan penerimaan pembayaran digital dalam urusan jual beli, selain merealisasikan matlamat negara untuk membentuk masyarakat tanpa tunai,” kata beliau.

Mizan menambah, Bank Islam akan terus menganjurkan pelbagai kempen menarik dan relevan untuk manfaat pelanggan setia.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ‘LUCKY FIVE-BULOUS’, pelanggan boleh melayari www.bankislam.com/campaigns-wow/

GAMBAR 1.0



Kapsyen: Mizan Masram (tengah), Ketua Pegawai Perniagaan Runcit Kumpulan Bank Islam menyempurnakan pelancaran Kempen ‘LUCKY FIVE-BULOUS’ di Menara Bank Islam di Kuala Lumpur pada Jumaat lalu.

GAMBAR 2.0



Kapsyen: Mizan Masram (tengah), Ketua Pegawai Perniagaan Runcit Kumpulan Bank Islam menyempurnakan pelancaran Kempen 'LUCKY FIVE-BULOUS' di Menara Bank Islam di Kuala Lumpur pada Jumaat lalu.

GAMBAR 3.0



Kapsyen: Mizan Masram (kanan), Ketua Pegawai Perniagaan Runcit Kumpulan Bank Islam menyempurnakan pelancaran Kempen 'LUCKY FIVE-BULOUS' di Menara Bank Islam di Kuala Lumpur pada Jumaat lalu.

Gambar-gambar boleh diakses melalui pautan berikut:

<https://drive.google.com/drive/folders/1-39io1PCiyHTPvEwg2Wq8wJd9K61fpvN?usp=sharing>

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my